

Sejarah Perkembangan Penulisan Hukum Islam Di Malaysia: Tumpuan Khusus Di Negeri Kelantan

Mohd. Kamil Hj. Ab. Majid*

Pendahuluan

Penulisan ilmu Islam sama ada di bidang ilmu Tauhid, Fiqh dan Tasawuf di nusantara dimulai dengan buku terjemahan. Hal ini terbukti dengan penemuan Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas melalui bukunya *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16 Century Malay Translation of the 'Aqa'id an-Nasafi*.¹

Sejarah penterjemahan buku Islam ke bahasa Melayu berkemungkinan besar lebih awal lagi. Haji Wan Mohamad Shaghir Abdullah ada menyebut kitab *Bahr al-Lahut* yang dikarang oleh Syaikh Abdullah Arif (m. (?)) antara tahun 1165 - 1177 M dalam bidang tasawuf sudah diterjemah ke bahasa Melayu pada zaman Kesultanan Melaka pada abad 15 M.²

Buku-buku karya asli ulama nusantara, sama ada dalam bentuk prosa atau puisi dikenal pasti dimulakan oleh ulama Aceh seperti Syamsuddin al-Sumatrani (m 1630M), yang mengarang dua buah buku tasawuf iaitu: *Tanbih al-Tullab fi Ma'rifah Malik al-Wahhab* dan *Anwar ad-Daqai' qfi Kashfal-Haqai'q*,³ Hamzah Fansuri (1550 - 1600M) dengan karya-karyanya: *Syair Burung Pungguk*, *Syair Dagang*, *Syair Sidang*

*Pensyarah di Fakulti Usuluddin Universiti Malaya. Calon Doktor Falsafah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial.

*Faqir, Syair Burung Pingai, Syair Perahu, Sharb al- 'Ashiqin, dan Asrar al- 'Arifin.*⁴

Sementara Bukhari al-Jauhari, seorang peranakan Johor yang tinggal di Aceh mengarang *Taj as-Salatin*,⁵ Syaikh Nuruddin ar-Raniri pula menulis *Sirat al-Mustaqim* (1644 M), *Durrah al-Fara'id* (1045 H), *Hidayah al-Habib* (1635 M), *Bustan as-Salatin* (1638 M), *Asrar al-Insan fi Ma'rifah ar-Ruh wa ar-Rahman* (1640 M), *Akhbar al-Akhirah fi Ahwal al- Qiyamah* (1642 M), *Tibyan fi Ma'rifah al-Adyan* (1644 M).⁶

Seorang lagi penulis dari kalangan ulama nusantara yang masyhur ialah Abdul Rauf Singkel (1615 - 1693 M). Beliau menulis: *Mir'at at-Tullab, Tarjuman al-Mustafid, 'Umdah al-Ahkam, Kifayah al-Muhtajin, al-Mawa'iz al- Badi'ah, Kitab Fara'id, 'Umdah al-Muhtadin, Hidayah al-Balighah, Syair Ma'rifat, Daqai'q al-Huruf, Majmu' al-Masai'l* dan lain-lain mengenai akhlak dan tasawuf.⁷

Dari sini dapat disimpulkan penulisan awal buku-buku Islam di nusantara bermula di Aceh. Selepas Aceh, Pattani pula mengambil tempat menjadi pusat kegiatan ilmiah nusantara, dengan mengemukakan Syaikh Daud bin Abdullah (1769 - 1847 M). Karangan-karangannya seperti *Kifayah al-Muhtaj* (1809 M), *Idhah-al-Bab* (1224 H), *Ghayah at-Taqrib* (1226 H), *Bulugh al-Maram* (1227 H), *Ghayah al-Maram* (1229 H), *ad-Durr ath-Thamin* (1232 H). Malah banyak lagi karangan beliau.⁸ Karangannya adalah meliputi bidang tauhid, fiqh, tasawuf, sirah dan lain-lain.⁹

Bagi negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, penulis awal yang ditemui setakat ini ialah Tok Pulau Manis (1650 an - +1736) atau nama sebenarnya Syaikh Abdul Malik bin Abdullah yang telah mengarang *Kitab al-Kifayah, Naql, Kaifiyyah an-Niyyah* serta *Sharh Hikam* (disebut juga Hikam Melayu).¹⁰

Penulisan Awal Buku-buku Islam Di Kelantan

Perkembangan penulisan terawal berhubung dengan buku-buku Islam di negeri Kelantan secara khusus belum dapat dipastikan secara tepat. Tetapi ia mungkin bermula bersama bermulanya pengajaran ilmu-ilmu Islam.

Pada akhir abad 18 M, ketika Haji Abdul Halim al-Yunani¹¹ mula mengajar, dipercayai buku-buku belum dicetak. Justeru itu beliau mengajar secara lisan melalui kitab-kitab tulisan tangan iaitu kitab-kitab Arab dan Jawi. Namun tiada keterangan nama kitab yang diajarinya itu.

Pada akhir abad 19 M muncul dua orang ulama Kelantan yang boleh dianggap menerokai bidang penulisan bercetak iaitu Tuan Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh (lebih terkenal dengan gelaran Tuan Tabal) dan Haji Wan Ali bin Abdul Rahman (lebih dikenali dengan Haji Wan Ali Kutan).¹²

Tulisan Tuan Tabal merangkumi bidang usuluddin, fiqh dan tasawuf, tetapi pendekatan tasawuf lebih menguasai tulisannya seperti dalam kitabnya: *Jala' al-Qulub* dan *Munabbih al-Ghafilin*, malah beliau mengambil pendekatan Imam al-Ghazali (m 1111 M) melalui kitabnya *Ihya' Ulum ad-Din*. Karya terbesar Tuan Tabal Manhat al-Qarib cetakan pertama tahun 1325 H merupakan saripati daripada karangan Imam al-Ghazali itu. Malah perbincangan *Manhat al-Qarib* hampir menyamai karangan ulama nusantara Abdul Samad al-Falimbani *Hidayah as-Salikin* dan *Sayr as-Salikin* dalam

setengah bahagiannya.

Tidak keterlaluan dikatakan kesan *Ihya' 'Ulum ad-Din* dalam mempengaruhi kitab-kitab Tuan Tabal seperti *Munabbih al-Ghafilin* dan *Munyat al-Awbah fi Bayan at-Tawbah*.¹³

Sebagaimana Tuan Tabal, Haji Wan Ali Kutan membawa pendekatan tasawuf dalam buku-bukunya. *Kitab Luma't al-Awrad* sebagai contoh banyak membincangkan amalan doa dan wirid, istighfar dan selawat yang kesemuanya berusaha meningkatkan kualiti kerohanian muslim. Tidak dinafikan tulisan itu ada yang menyangkuti persoalan fiqh (hukum Islam).

Pendekatan Tuan Tabal dan Haji Wan Ali Kutan lebih menumpukan kepada pendekatan tasawwuf, tetapi Tuan Tabal secara khusus menulis kitabnya *Manhat al-Qarib* lebih dianggap sebuah karya hukum (fiqh). Daripada sejumlah 328 halaman buku tersebut, 217 halaman membincangkan persoalan fiqh. Ia bukan sahaja menyentuh persoalan fiqh ibadah tetapi juga menyentuh hukum muamalah seperti Hiwalah, Daman, Bay' Salam malah menyentuh bab-bab Fara'id dan Jihad serta hukum-hukum hudud.¹⁴

Jika dianalisa tajuk-tajuk berkaitan dengan hukum, ia mengandungi 104 tajuk. Buku ini dibahagikan kepada tajuk besarnya 'Kitab'. Di bawah 'Kitab' terdapat 'bab-bab'. Setiap bab dipecahkan kepada beberapa 'fasal'. Setiap 'fasal' mengandungi beberapa 'Matlab'. Ada pula kenyataan dimasukkan di bawah tajuk 'Fai'dah', 'Tatimmah' dan 'Khatimah'.

Tuan Tabal membincangkan hukum fiqh dalam kitab *Manhat al-Qarib* berhubung dengan:

- Kitab at-Taharah*, muka surat 1
- Kitab as-Solah*, muka surat 17
- Kitab az-Zakah*, muka surat 66
- Kitab as-Sawm*, muka surat 78
- Kitab al-Hajj wa al-'Umrah* muka surat 84
- Kitab al-'Udhiyah* muka surat 91
- Kitab al-Bay* muka surat 99
- Kitab al-Fara'id* muka surat 151
- Kitab an-Nikah* muka surat 159
- Kitab al-Jinayah* muka surat 210
- Kitab al-Bughah* muka surat 213
- Kitab az-Zina* muka surat 214
- Kitab al-Jihad* muka surat 218
- Kitab al-At'imah* muka surat 219
- Kitab al-Musabaqah* muka surat 220
- Kitab al-Qada'* muka surat 220
- Kitab al-I'taq* muka surat 222

Haji Wan Ali Kutan pula, melalui kitab *al-Jawhar al-Mawhub wa Munabbihat*

al-Qulub banyak membincangkan tentang perkara fadhilat-fadhilat. Tetapi secara tidak langsung membincang sama hukum-hukum seperti wudu', bersugi, azan, sembahyang berjemaah, sembahyang Jumaat, puasa, sembahyang fardu, sembahyang sunat, zakat dan lain-lain.

Sebagaimana *Ihya' 'Ulum ad-Din* pembicaraan hukum di dalamnya tidak terpisah daripada pendekatan tasawuf sehingga dalam membincangkan soal perkahwinan, zina, liwat, minum arak, menuduh zina dan lain-lain.

Walaupun buku Haji Wan Ali Kutan ini tidak boleh dianggap kitab fiqh, namun sumbangannya di bidang pengajaran hukum Islam sebagai buku teks pengajian di masjid dan surau di Kelantan tetap diakui melampaui satu abad lamanya.

Penulisan Fiqh Di Kelantan Abad 20 M

Ternyata kesungguhan ulama Tuan Tabal dan Haji Wan Ali Kutan pada akhir abad 19 M sukar ditandingi oleh ulama selepasnya dalam bidang penulisan. Tuan Tabal seperti disebut menulis kitab *Manhat al-Qarib* setebal 328 halaman dengan saiz biasa 'Kitab-kitab kuning', dan mengemukakan 104 tajuk. Sementara Haji Wan Ali Kutan pula dengan kitab *al-Jawhar al-Mawhub* setebal 229 (cetakan: Syarikat Jaafar Rawas, t.t.) mengandungi 40 bab.

Ulama selepas mereka tidak begitu serius menulis seperti mereka. Padahal pada abad 20 M, kemudahan percetakan lebih menyerlah. Haji Nik Mahmud Ismail, Dato' Sri Paduka Raja (Menteri Besar Kelantan) contohnya turut menulis kitab fiqh yang diberi nama Kitab Cahaya Purnama dicetak oleh Majlis Agama Islam Kelantan (1918 M) hanya setebal 60 muka dalam bentuk saiz kecil. Ia hanya mampu mengemukakan 5 bab sahaja yang menyangkut fardu 'ain iaitu sembahyang, zakat, puasa dan haji.

Seorang pengarang lain yang tidak begitu terkenal, Ismail bin Kecil, menghasilkan risalah Hidayat al-'Awam Ila Sabil as-Salam, dicetak oleh al-Matba'ah al-Kamaliah, Kota Bharu (1366 H) hanya setebal 20 halaman sahaja dan menyentuh hal najis, mandi wajib, persoalan wudu', sembahyang lima waktu, rukun khutbah dan sedikit perbincangan mengenai tauhid dan talqin.

Apa yang menarik di sini, keunggulan Tuan Tabal sebagai pengarang kitab fiqh Islam dalam bahasa Melayu di Kelantan belum dapat disaingi lagi walaupun sudah melalui satu abad.

Haji Omar bin Ismail Nuruddin,¹⁵ seorang ulama yang dilantik menjadi guru di Masjid Muhammadi, pengarang dan penterjemah di Majlis Agama Islam, hanya menulis buku yang kecil seperti *Kitab Pengenal Kesucian*.¹⁶ Buku ini setebal 90 halaman mengandungi perbincangan umum dalam bidang hukum halal dan haram dalam ibadah, muamalah dan jenayah. Tetapi ia hanyalah buku teks bagi kanak-kanak di Sekolah Majlis.

Penulis ini menunjukkan usaha serius dan bersungguh melalui bukunya *Pelajaran Membahagi Pusaka*, setebal 357 halaman berukuran 5 1/2 x 7 1/2 inci, cetakan pertama 1923 M bersamaan 1341H, dicetak oleh Majlis Ugama Islam Kelantan.

Setelah itu tidak lagi ditemui usaha serius yang setanding dengan usaha Tuan

Tabal bagi menyiapkan buku-buku berhubung dengan hukum Islam di Kelantan, selain daripada buku-buku teks di Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah.

Usaha penterjemahan kitab fiqh Imam al-Shafi'i iaitu kitab *al-Umm* pernah diusahakan melalui Majlis Agama Islam Kelantan dengan penterjemahnya Tok Kenali, Haji Saad Kangkong dan Haji Ali Salahuddin tetapi tidak pernah diselesaikan, malah manuskripnya masih belum diketahui di mana tersimpannya.

Daripada huraian di atas, jelaslah bahawa Kelantan yang terkenal dengan ramainya bilangan ulama, malah diberi gelaran nama Serambi Mekah masih belum mampu melahirkan sebuah kitab hukum Islam (fiqh) yang berautoriti. Walaupun di negeri itu pernah wujud pusat pengajian tinggi Islam yang lebih dikenali dengan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan dari tahun 1965 - 1981 M.

Usaha kecil-kecilan tidak dinafikan sentiasa diusahakan seperti usaha yang dilakukan oleh Dato' Haji Ahmad Mahir bin Ismail (bekas Mufti) yang menulis buku *Suluhan Awam*. Buku setebal 60 halaman¹⁷ ini dijadikan juga teks pelajaran fardu 'ain di masjid dan surau.

Haji Ariffin Awang, seorang ulama Kelantan yang lama bertugas di Johor sebagai mudir (pengetua) Ma'ahad Johor pernah menghasil kitab fiqh Islam.¹⁸ Walaupun beberapa penggal sudah diselesaikan namun ia masih belum melangkau kepada bab-bab lain kecuali bab sembahyang.

Dapat disimpulkan bahawa pengajaran fiqh Islam di Kelantan lebih tertumpu kepada bahan-bahan luar daripada kitab-kitab Arab seperti kitab *Fath al-Qarib*, *Fath al-Mu'in*, *al-Iqna'* dan sebagainya tanpa dilatarbelakangi oleh persekitaran tempatan.

Pengalaman penulis mempelajari hukum Islam merasai beberapa isu yang dipelajari daripada kitab-kitab Arab luar negeri, apalagi yang dihasilkan berabad-abad lama itu kadangkala mengemukakan contoh-contoh yang agak asing dan tidak keterlaluan jika ada yang menggelikan hati. Malah ketika menuntut di Mesir, baharulah penulis faham contoh-contoh yang diajar oleh guru ketika belajar di Malaysia.

Penulisan Fiqh: Suatu Kekosongan

Hukum (fiqh) Islam adalah satu keperluan semasa umat Islam, maka usaha secara serius haruslah dimulakan oleh ulama dan sarjana Islam tempatan terutama dari Kelantan yang sudah sedia diketahui tempat lahirnya para ulama sejak awal abad - 20 M. Apalagi dengan cita-cita kerajaan Negeri Kelantan yang ingin membangunkan Kelantan menurut syariat Islam.¹⁹

Kejayaan cita-cita tersebut disangsikan secara praktikal, iaitu suatu cita-cita politik yang demikian tinggi dan baik tanpa turut disertai dengan kefahaman yang mendalam oleh rakyat Kelantan khususnya dan rakyat Malaysia umumnya. Oleh kerana pelaksanaan syariat bukan hanya pelaksanaan hukum semata-mata, tetapi ia seharusnya berkembang seiring dengan perkembangan kesedaran dan intelektual. Penulisan buku-buku Islam, khususnya berkaitan dengan hukum (fiqh) Islam amat diperlukan sebagai usaha membina infrastruktur intelektual.

Penawaran kursus-kursus pengajian fiqh Islam di pusat-pusat pengajian tinggi

seperti di Universiti Islam Antarabangsa, Fakulti Syariah Universiti Malaya, Fakulti Islam Universiti Kebangsaan, malah di beberapa fakulti undang-undang dalam institusi pengajian tinggi tanahair akan membantu cita-cita itu, dan turut memberi saham kepada perkembangan kefahaman hukum fiqh di Malaysia.

Satu hal yang unik dalam konteks di Malaysia, pada akhir-akhir ini muncul ulama di kalangan wanita yang menulis buku-buku dan artikel berhubung dengan hukum fiqh seperti Puan Paizah binti Haji Ismail (sekarang Profesor Madya) daripada Akademi Islam Universiti Malaya dan Dr. Siti Zulaikha binti Mohamad Nor daripada Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dalam konteks penulisan di Kelantan, Prof. Madya Paizah Haji Ismail seharusnya diberi penghormatan kerana berusaha memenuhi kekosongan penulisan fiqh Islam melalui bukunya: *Asas Pembinaan Keluarga Islam*,²⁰ iaitu sebuah buku hukum Islam di bidang kekeluargaan (munakahat) dan lebih serius lagi bukunya: *Undang-undang Jenayah Islam* yang diterbitkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia, cetakan pertama, 1991, setebal 274 halaman.

Walaupun kedua-dua buku ini diterbitkan di Kuala Lumpur, tetapi ia masih relevan dengan tajuk artikel ini, kerana beliau berasal dari Kelantan, Mendapat pendidikan rendah, menengah dan tinggi di Kelantan sebelum mendapat keserjanaan daripada Universiti Al-Azhar, malah kembali bertugas di Kelantan sebagai Pensyarah di Yayasan Pengajian Tinggi Islam sebelum diserap sebagai pensyarah (sekarang Profesor Madya) di Akademi Islam Universiti Malaya.

Buku Asas Pembinaan Keluarga Islam mengandungi 4 fasal:

- Fasal Pertama: Kepentingan Berkeluarga
- Fasal Kedua : Asas Kerukunan Keluarga
- Fasal Ketiga : Kaedah-kaedah Penyelesaian
- Fasal Keempat: Beberapa Keraguan

Buku ini merupakan penjelasan tentang kehidupan berkeluarga berasaskan pandangan Islam. Ia ditulis untuk bacaan umum, jadi ia ringkas dan mudah difahami. Uniknyanya buku ini kerana ia ditulis oleh ulama di kalangan wanita.

Berbeza dengan buku *Undang-undang Jenayah Islam* yang lebih serius dan ia menjadi buku teks dalam bidang hukum Jenayah Islam di Fakulti Syariah Universiti Malaya.

Buku ini membincangkan 7 fasal:

- Fasal Pertama: Konsep Jenayah halaman 1
- Fasal Kedua : Unsur-unsur Jenayah halaman 14
- Fasal Ketiga : Pengecualian Am halaman 49
- Fasal Keempat: Keseksaan halaman 71
- Fasal Kelima : Jenayah Qisas dan Diat halaman 107
- Fasal Keenam : Kesalahan-kesalahan Hudud halaman 173
- Fasal Ketujuh: Kesalahan-kesalahan Ta'zir halaman. 251

Dengan itu, Puan Paizah Haji Ismail sudah memenuhi sebahagian tuntutan keperluan kepada penulisan hukum fiqh, sekurang-kurangnya di bidang jenayah dan kekeluargaan.

Bagi melengkapkan sebuah penulisan hukum fiqh, perlu penulisnya melengkapkan bidang ibadah, muamalah, jihad dan lain-lain. Malah perlu beliau menulis mengenai bab al-Qada', satu isu kontroversi tentang harus atau tidak wanita menjadi hakim atau kadi.

Dicadangkan supaya pihak berkenaan dapat menajakan penulisan berkumpulan bagi sebuah buku hukum Islam yang lengkap sesuai di Malaysia, sekurang-kurang seperti apa yang mampu dihasilkan oleh Wahbah az-Zuhaili dalam bukunya: *Al-Fiqh al-Islami wa Adi Ilatuh* atau lebih dari itu. Malah dapat dijadikan teks bagi pengajian fiqh semasa di masjid atau pusat-pusat pengajian.

Usaha Penterjemahan Buku-buku Fiqh Islam Di Kelantan

Berbanding dengan bidang ilmu Islam lain, penterjemahan buku-buku fiqh kurang mendapat perhatian. Misalnya, dalam bidang tafsir, Dato' Yusof Zaky Yacob, penulis dan penterjemah yang aktif di Kelantan sudah hampir menyelesaikan terjemahan *Tafsir fi Dzilal al-Qur'an* karangan Sayyid Qutb. Begitu juga Ustaz Muhammad 'Uthman El-Muhammadi seorang sarjana Islam yang dihormati di Malaysia berasal dari Kelantan sudah menterjemah sebahagian *Tafsir al-Qur'an Yusuf Ali* dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1992).

Buku-buku autoritatif dalam bidang fiqh belum diusahakan secara bersungguh-sungguh selepas kegagalan menerbitkan terjemahan kitab *Al-Umm* karangan Imam Shafi'i di suku awal abad 20 M di Kelantan.

Usaha kecil-kecilan telah dimulakan oleh Ismail Awang dan Fatimah Ali dengan menterjemahkan buku *Fikah Lima Mazhab* diterbitkan oleh Pustaka Risalah Kota Bharu, pada tahun 1987.

Ketika berlaku keributan hukum hudud di Kelantan selepas pemerintahan kerajaan APU (Angkatan Perpaduan Umat), Dato' Yusof Zaky Yacob, menyiapkan terjemahan *Hudud Dalam Islam* yang disunting dan diterjemah daripada karangan Wahbah al-Zuhaili.

Usaha yang lebih serius perlu dilakukan bagi memenuhi kekosongan tersebut. Sepatutnya ada pihak-pihak yang mengambil inisiatif dalam usaha menterjemah kitab Fiqh Islam yang lengkap dan semasa.

Perhatian masyarakat Kelantan terhadap penulisan hukum (fiqh) Islam sudah lama. Selain daripada penulisan buku, *Majalah Pengasuh* yang mula terbit pada tahun 1918 M, menyediakan ruangan tersebut yang ditulis oleh Haji Idris Hasan.

Haji Idris bin Hasan, ulama yang pernah dilantik menjadi Mufti Kelantan (1920 - 1927 M) menulis berkenaan fiqh Islam dalam *Majalah Pengasuh* bil. 3, pada 8 Ogos 1918 di bawah tajuk: 'Rukun Agama Islam'.²² Kemudian dalam *Majalah* yang sama bil. 5 pada 7 September 1918 beliau menulis tajuk 'Pengenalan Ilmu Fiqh dan Namanya'.²²

Ruangan khas kolumnis ini diteruskan dalam siri-siri berikutnya, membincangkan isu cara berpakaian menurut Islam,²³ masalah niat,²⁴ zakat perniagaan,²⁵ dan sebagainya.

Usaha *Pengasuh* memperkenalkan bidang hukum Islam tidaklah pada masa mula penerbitannya sahaja. Walaupun beberapa sidang pengarang bertukar, tetapi

ruangan sedemikian tetap disediakan.

Contohnya, apabila majalah berbahasa Melayu tulisan Jawi yang ulung dan satu-satunya Majalah Jawi tertua di Asia Tenggara yang masih bernafas, memulakan semula selepas beberapa kali berhenti penerbitannya, di bawah asuhan pengarangnya Drs. Abdul Ghani Azmi bin Idris, Abu Nafis mengelolakan siri pelajaran hukum Islam.²⁶

Selain daripada itu turut disiarkan juga '*Halaman Fatwa Syar'iyah*'.²⁷ Malah Pengasuh juga menyiarkan terjemahan *Ihya' 'Ulum ad-Din*, yang menyentuh 'Panduan Berumahtangga' mulai keluaran 377, April, 1969.

Ini semua membuktikan masyarakat Kelantan sentiasa mengambil berat tentang penulisan hukum Islam.

Kesimpulan

Makalah ini sekadar memaparkan penglibatan ulama, intelektual Islam dan penulis dari Kelantan yang tidak pernah berhenti menulis berhubung dengan hukum Islam. Apa yang penting ialah usaha secara serius yang dimulakan oleh Tuan Tabal perlu diteruskan. Ulama kini perlu berfikir dan peka dengan tuntutan masyarakat Islam semasa terutama yang berhubung dengan Mu'amalat Hadithah seperti kontrak, skim ansuran, perniagaan saham dan lain-lain yang memerlukan jawapan segera, semoga masyarakat tidak tercari-cari jawapan daripada hukum Islam dalam persoalan semasa.

Pengumpulan fatwa yang lebih lengkap seperti yang pernah diusahakan oleh bekas Timbalan Mufti Kelantan, Dato' Haji Ismail bin Yusof juga perlu diteruskan dengan melengkapkan kesemua bidang yang diperlukan oleh umat Islam.

Tidak syak lagi, pelaksanaan syariat Islam memerlukan penglibatan semua pihak terutama penulis dan sarjana, ulama dan guru-guru agama bagi memberi kefahaman Islam yang tulin. Wallahu A'lam.

Nota Kaki

1. Buku tersebut diterbitkan oleh Jabatan Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988.
2. Lihat Hj. W. Mohd Saghir Abdullah, *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, Jilid 1, diterbitkan oleh Khazanah Fataniyah, Kuala Lumpur, 1991, h. 2-3.
3. Ibid. hh. 30 - 38.
4. Lihat; Agus Salim, *Tokoh yang Kukuh*, Pustaka Nasional Singapura, 1966 h.48.
5. Ibid.
6. Lihat Ibid, h. 93, Cf. Shafei Abu Bakar, 'Tokoh-tokoh Penulis Islam Nusantara dalam Konteks Perkembangan Keilmuan Islam Nusantara Tradisi' dlm. *Dewan Bahasa*, September 1977, h. 573; Abdul Kadir Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*, tesis Sarjana (tidak diterbitkan), Universiti Malaya, 1989, h. 29.
7. Keterangan lanjut lihat, Hamka, 'Acheh Serambi Mekah' dlm. *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, al-Ma'rifah Bandung, 1981, h. 222. Lihat sama: T. Iskandar, *Abdul Rauf Singkel Tokoh Shatariyyah Abad - 17'* dlm. *Dewan Bahasa*, Mei 1965, h. 195. Cf. Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, Heineman (Malaysia) Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1986, h. 129.
8. Keterangan lanjut lihat, Ismail Che' Daud, 'Syaiikh Daud al-Fatani dlm. (ed.), *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)* Majlis Agama Islam, Kota Bharu, edisi II, 1992, hh. 36 - 49.
9. Lihat, H.W.M. Shaghir Abdullah, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, Penerbitan Hizbi, Shah Alam, Selangor, 1990.
10. Keterangan mengenai Tok Pulau Manis, lihat, Ismail Che' Daud, op.cit. h. 1 - 13, Cf. Shafei Abu Bakar, 'Tok Pulau Manis dan Pengasasan Pendidikan Islam' dlm. Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur 1991, h. 53 - 61.
11. Keterangan tokoh ini dan kegiatannya lihat Abdul Halim Ahmad, 'Pendidikan Islam di Kelantan', dlm. Prof. Khoo Kay Kim (Suntingan), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Kota Bharu, 1982, hh - 1 - 3.
12. Keterangan mengenai Tuan Tabal sila lihat, Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hasan, *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, diterbitkan oleh pakatan keluarga Tuan Tabal Kota Bharu, 1977, hh. 37 - 44; Cf., Ismail Awang, 'Tok Wan Ali Kutan', dlm. Ismail Che Daud, op.cit; hh. 119 - 130.

13. Kitab MGH dikarang pada tahun 1285 H dan dicetak oleh Percetakan al-Ahliyah tahun 1955 M. Sementara kitab MABT dicetak di Matba'ah Mustafa Press, t.t.c.
14. Lihat, Syaikh Abdul Samad bin Muhammad Salleh, *Manhat al-Qarib al-Mujib wa Mughni ar-Raghibin fi at-Taqrib*, cetakan pertama, Matba'ah al-Miriyyah, Makkah, 1325 H/1907 M.
15. Keterangan riwayat hidup tokoh ini sila lihat, Ismail Awang 'Haji Omar Sungai Keladi (1867 - 1940)' dlm. Ismail Che Daud, *op.cit.*, hh. 369 - 386.
16. Cetakan pertama 1921 M/1339 H oleh Majlis Agama Islam Kelantan. 1341 H., dicetak oleh Majlis Agama Islam Kelantan.
17. Cetakan pertama di Matba'ah al-Isma'iliah, Kota Bharu (t.t.), cetakan kali - 4 di Syarikat Dian Sdn. Bhd. (1979).
18. Tiga penggal buku ini diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Johor, Johor Baharu.
19. Kenyataan ini berulang kali dilafazkan oleh Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan dalam ucapannya yang dipetik di akhbar-akhbar.
20. Diterbit oleh Mahir Publications Sdn. Bhd., 1991, setebal 91.
21. Lihat, Pengasuh, bil. 3, 8 Ogos 1918, h. 3 - 4.
22. Lihat, Pengasuh, bil. 5, 7 September 1918 h. 4 - 5.
23. Lihat, Pengasuh, bil. 6, 21 September 1918, h. 2-3.
24. Lihat, *Ibid*, bil. 9, pada 5 November 1918, h. 1 - 3.
25. *Ibid*, bil. 16, 15 Feb. 1918, h. 5 - 6., disambung pula dlm. *Ibid.*, bil. 17, 3 Mac, 1918, h. 1 - 3.
26. Lihat, Pengasuh, bil. 365, April 1968, h. 19 - 20, dan bilangan-bilangan seterusnya.
27. *Ibid.*, h. 21.

Bibliografi

- Abdul Aziz bin Haji Nik Hasan, Nik, *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, Pakatan Keluarga Tuan Tabal, Kota Bharu, 1977.
- , *Islam di Kelantan*, Persatuan Sejarah Malaysia Kuala Lumpur, cetakan pertama 1983.
- Abdul Halim Ahmad, 'Pendidikan Islam di Kelantan' dlm. Prof. Khoo Kay Kim (ed.) *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Kota Bharu, 1980.
- Abdul Kadir Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*, tesis Sarjana Syariah, Universiti Malaya, 1989, (tidak diterbitkan).
- Abdul Razak Mahmud, 'Manhat al-Qarib: Kitab Tuan Tabal yang Terbesar' dlm. *Pengasuh*, bil. 501, November - Disember 1989, hh. 31 - 40.
- Abdul Samad bin Muhammad Salleh, Haji, *Munabbih al-Ghafilin*, Matba'ah Mustafa Press, Kota Bharu, 1955.
- , *Munyat Ahl al-Awbah fi Bayan at-Tawbah*, Mustafa Press Kota Bharu, t.t.c.
- Agus Salim, *Tokoh yang Kukuh*, Pustaka Nasional Singapura, 1966.
- Ahmad Mahir bin Haji Ismail, Haji, *Suluhan Awam*, cetakan IV, Syarikat Dian Sdn. Bhd. 1979.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16 Century Malay Translation of the Aqaid an-Nasafi*, Department of Publication, University of Malaya, 1988.
- Ali bin Abdul Rahman, Haji Wan, *Al-Jawhar al-Mawhub wa Munabbihat al-Qulub*, Syarikat Jaafar Rawas, t.t.c.
- Hamka, Dr.; 'Acheh Serambi Mekah' dlm. 'Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia', al-Ma'rifah Bandung 1981.
- Iskandar, T., 'Abdul Rauf Singkel Tokoh Shatariyyah abad 17' dlm. *Dewan Bahasa*, Mei 1965.
- Ismail Awang, 'Tok Wan Ali Kutan 1837 - 1913' dlm. Ismail Che Daud (ed.) *Tokoh tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, Majlis Agama Islam Kelantan, edisi II, 1992.
- Ismail Che Daud, 'Syaiikh Daud al-Fatani 1769 - 1847' dlm. *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, MAIK.edisi 11, 1992.
- Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, Heineman (Malaysia) Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1986.

Mahmud bin Ismail, Haji Nik, *Cahaya Purnama*, cetakan 7, Percetakan al- Ahliah Sdn. Bhd. t.t.

Omar bin Ismail Nuruddin, Haji, *Mengenal Kesucian*, cetakan Majlis Agama Islam Kelantan, 1921.

Paizah Haji Ismail, *Asas Pembinaan Keluarga Islam*, Mahir Publications Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1991.

—————, *Undang-undang Jenayah Islam*, Angkatan Belia Islam Malaysia, P. Jaya 1991.

Shafei Abu Bakar, 'Tokoh-tokoh Penulis Islam Nusantara dalam Konteks Perkembangan Keilmuan Islam Nusantara Tradisi', dlm. *Dewan Bahasa*, Sept. 1977.

—————, 'Tok Pulau Manis dan Pengasasan Pendidikan Islam' dlm. Muhammad Abu Bakar (Penyunting), *Ulama Terengganu*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur 1991.

Shaghir Abdullah, H.W.M., *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, Jilid 1, diterbitkan oleh Khazanah Fataniyah, Kuala Lumpur, 1991.

—————, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, Penerbitan HIZBI, Shah Alam, 1990.